

Insentif bantu pesawah, pekebun getah

BH 22/11/18

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membantu pesawah dan pekebun kecil getah menambah pengeluaran masing-masing dengan memberikan beberapa insentif khas.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan sedang menjalankan beberapa perbincangan untuk membolehkan Skim Subsidi Harga Padi (SSPH) dinaikkan kepada RM360 bagi satu tan berbanding RM300 satu tan sekarang.

“Ini cara kita membantu pesawah, manakala bagi pekebun kecil getah kita mempertimbangkan penetapan paras harga Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada RM2.50 sekilogram berbanding RM2.20 ketika ini,” katanya kepada media di lobi Parlimen selepas menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di De-

wan Rakyat, semalam.

Pada perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 pada 13 November lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-PKR Port Dickson) meminta Guan Eng memberi perhatian kepada nasib nelayan, petani, peladang dan pekebun kecil pada Belanjawan 2019.

Hidup miskin

Anwar yang juga Presiden PKR berkata, kebanyakan golongan itu hidup miskin, tetapi peruntukan untuk mereka pula agak kecil dan ada yang dipotong.

Guan Eng berkata, sasaran utama Kementerian Kewangan adalah bagi menambah pendapatan golongan terbabit dengan tumpuan diberi bagi pemberian subsidi dan insentif khas bagi pengeluaran.

Sementara itu, ditanya me-



Sasaran utama Kementerian Kewangan adalah bagi menambah pendapatan golongan terbabit dengan tumpuan diberi bagi pemberian subsidi dan insentif khas bagi pengeluaran”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan

ngenai pelaksanaan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang memberi manfaat kepada syarikat insurans asing, beliau berkata, perkara itu tidak timbul kerana Bank Negara mengendalikannya.

Dana usaha sama

“Itu sebab kita lantik Bank Negara menguruskannya,” katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2019, kerajaan memperkenalkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional untuk golongan isi rumah B40.

Dana usaha sama syarikat insurans swasta itu menawarkan perlindungan percuma ke atas empat penyakit kritikal utama sehingga nilai RM8,000.